

PSB - Bahagian Arkib

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Sunday, 22 December, 2019 10:32 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Mahasiswa Ziarah Hospital Ukir Senyuman Pesakit



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

22 DISEMBER 2019 / 25 RABIULAKHIR 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: STML

MAHASISWA ZIARAH HOSPITAL UKIR SENYUMAN PESAKIT



UUM ONLINE: Sebagai tanda prihatin dan kasih sesama saudara, mahasiswa Universiti Utara Malaysia (UUM) menziarahi pesakit di Hospital Sultanah Bahiyah (HSB), Alor Setar, Kedah, baru-baru ini.

Pensyarah dari Pusat Pengajian Teknologi dan Logistik (STML), Hanizan Zalazilah berkata, lawatan ini bertujuan membantu memulihkan semangat pesakit kanak-kanak di sini di samping mengeratkan hubungan mahasiswa dengan komuniti setempat.

Ujarnya, usaha murni ini disertai 30 sukarelawan yang terdiri daripada Persatuan Pengurusan Operasi (POM) Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi dan Logistik (STML).

Sementara itu, Ketua Exco Kerohanian Nur Liyana Shamsudin berkata, sewaktu lawatan ke HSB, Ketua Jururawat U32, Sr. Junaida Johari berkongsi pengalaman sepanjang mengurus dan menjaga pesakit kanak-kanak di HSB.

“Sedikit penerangan ringkas kepada sukarelawan mengenai tata tertib ketika berada di dalam wad kanak-kanak daripada pihak hospital.

“Sukarelawan POM mengadakan pelbagai aktiviti seperti Jom Mewarna, Jom Buat Topeng Muka dan Cuba Teka bagi membantu memulihkan semangat pesakit kanak-kanak yang terlibat dan lebih mengujakan apabila melihat senyuman yang terukir di wajah anak-anak kecil ini.

“Lebih daripada 30 kanak-kanak telah terlibat di dalam program ini yang kebanyakannya yang terlibat dengan kes-kes *respiratory* dan *oncology*,” katanya.

Manakala Sr. Junaida mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas kesudian mahasiswa dan wakil pensyarah UUM berkongsi semangat dan pengetahuan kepada pesakit kanak-kanak HSB

Beliau berharap jalinan hubungan dan kerjasama ini akan dapat diteruskan pada masa akan datang.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.